# PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN PROJEK PENYELIDIKAN

**PINDAAN 11 JUN 2022**

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## 1.0 PEMBELIAN ASET PENYELIDIKAN

### a) Definisi & Vot yang berkaitan

| Terma | Definisi | Vot peruntukan / bayaran |
|---|---|---|
| Aset | Peralatan bernilai RM3,000 dan ke atas dan jangka hayat lebih 1 tahun **(termasuk perisian)**<br><br>*Bagi Geran KPT, aset adalah peralatan **bernilai RM1,000 dan ke atas** | V35000<br><br>*Bursar bayar V26000 tetapi perlu dilaporkan ke KPT perbelanjaan dibawah V35000 (penyelarasan pelaporan perlu dibuat) |
| Inventori | Peralatan bernilai kurang RM3,000 dan jangka hayat melebihi 1 tahun yang boleh berfungsi sendiri tanpa perlu sokongan alatan lain (termasuk perisian) | V26000 / V27000 |
| Item menarik (sub kepada Aset & Inventori) | Aset atau inventori yang berisiko tinggi bagi tujuan kegunaan peribadi, terdedah kepada kecurian dan bernilai tinggi untuk dijual semula. Contohnya kamera, *tablet*, telefon pintar, TV, perakam suara, dll | i. Nilai kurang RM3 ribu : V27000 (inventori)<br>ii. Nilai RM3 ribu dan ke atas: V35000 (aset)<br>iii. Jika geran MOSTI rujuk vot kelulusan dalam proposal |
| Alat ganti / Aksesori | Alat yang tidak boleh berfungsi tanpa peralatan sokongan lain contohnya monitor computer, keyboard, kabel pencetak, tetikus, external hardisk, dll | V26000 / V27000 |

**b) Tatacara Permohonan & Kelulusan Pembelian Aset**

- Permohonan pembelian aset penyelidikan disertakan dengan **Borang Pembelian Aset Penyelidikan (PU/PY/BR45/ASET).**

| Nilai Aset / Jenis | Syarat | Kuasa melulus |
|---|---|---|
| Kurang RM20,000 per unit | ADA dalam proposal yang diluluskan oleh penaja | Ketua PTJ / TDP |
| Kurang RM20,000 per unit | TIADA dalam proposal yang diluluskan oleh penaja | RMC |
| RM20,000 per unit dan ke atas | ADA / TIADA dalam proposal yang diluluskan oleh penaja | RMC |
| Aset / inventori ICT | ADA dalam proposal | Ketua PTJ / TDP dan JK ICT |
| Aset / inventori ICT | TIADA dalam proposal | RMC dan JK ICT |
| **Nilai Aset / Jenis** | **Syarat** | **Kuasa melulus** |
| SEMUA aset dan inventori menggunakan **Geran MOSTI dan Geran NRGS** | | RMC (Jika aset ICT : RMC dan JK ICT ) MOSTI – jika peralatan tidak sama / tidak dinyatakan dalam proposal muktamad |
| i. Pembelian peralatan bagi Geran MOSTI hanya dibenarkan pada tahun pertama projek sahaja. | | |
| ii. Pembelian peralatan bagi Geran KPT, tidak boleh membeli aset pada 6 bulan terakhir (berdasarkan tarikh tamat asal) | | |

## 2.0 AGIHAN PERUNTUKAN, TUNTUTAN / PEMBAYARAN DAN PENUTUPAN AKAUN PROJEK

| Perkara | Syarat / Keperluan | Tindakan |
|---|---|---|
| Pembukaan Akaun Amanah dan Penyaluran Peruntukan | Pembukaan Akaun Amanah dan arahan penyaluran peruntukan ke akaun tabung amanah siri 63XXXX **perlu dibuat oleh penyelidik terus kepada Seksyen Kewangan Akaun Amanah.** | Penyelidik / Pemegang Amanah / |
| Tuntutan Bayaran Balik Geran | Tuntutan perbelanjaan perlu dikemukakan dalam tempoh 3 bulan selepas perbelanjaan dibuat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan tidak dapat dibayar. | Penyelidik / Pej Bursar |
| Pendahuluan & Pelarasan | i. Pelarasan pendahuluan diri perlu dikemukakan sebelum 10 hb bulan berikutnya.<br>ii. Pendahuluan pelbagai perlu dikemukakan sebelum 10 hb berikutnya selepas tamat aktiviti. | Penyelidik |
| Penutupan Akaun | i. Akaun projek penyelidikan siri 5XXXXX dan 9XXXXX akan ditutup dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh tamat asal atau 3 bulan selepas tarikh tamat lanjutan atau **sekiranya baki kurang RM100 atau tiada pergerakan perbelanjaan.**<br>ii. Akaun projek penyelidikan siri 9XXXXX akan ditutup sekiranya telah didapati oleh RMC prestasi perbelanjaan "SANGAT LEMAH" setelah 2 kali semakan berturut-turut dan peringatan telah diberikan.<br>iii. Penutupan akaun 63XXXX akan dibuat dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh tamat projek. | RMC<br>RMC<br>Seksyen Akaun Amanah, Pejabat Bursar |
| Perbelanjaan dan Pindahan Siri | iv. Pengurusan tabung amanah 63XXXX yang dibiayai oleh KPT (seperti LRGS, MyLAB, dll) perlu mengikut garis panduan semasa KPT bagi geran tersebut. | RMC |

## 3.0 PERMOHONAN MENGHADIRI SEMINAR KONFERENSI DALAM DAN LUAR NEGARA (SKBL)

| Perkara | Syarat / Keperluan | Kelulusan |
|---|---|---|
| Tarikh Event / Program | i. Tarikh event / program adalah **selepas 6 bulan daripada tarikh mula projek**<br>ii. Tarikh event / program adalah tidak melebihi 3 bulan daripada tarikh tamat asal / lanjutan.<br>iii. **Bagi Geran KPT FRGS/TRGS/LRGS dan lain-lain yang berkaitan, perjalanan dibenarkan untuk projek penyelidikan yang memasuki tahun kedua dan ke atas sahaja;** | Rujuk Garispanduan SKBL di laman web RMC |
| Syarat Permohonan | i. Permohonan perjalanan perlu dibuat dalam tempoh 6 minggu sebelum tarikh event DAN mesti sebelum tarikh tamat projek.<br>ii. Perbelanjaan / perjalanan selepas tarikh tamat adalah tidak dibenarkan kecuali bagi permohonan SKBL yang telah diluluskan sebelum tarikh tamat projek.<br>iii. Ketua projek yang tidak mempunyai kelayakan untuk memohon/melulus/menandatangani dokumen atas sebab cuti dan lain-lain, perlu mendapatkan kebenaran ketua projek sementara untuk penggunaan peruntukan bagi menghadiri SKBL. | |
| Tuntutan perbelanjaan | i. Tuntutan perbelanjaan perlu dikemukakan dalam tempoh 3 bulan selepas perbelanjaan dibuat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan tidak dapat dibayar. | |
| **Perkara** | **Syarat / Keperluan** | **Kelulusan** |
| **Perjalanan Dalam Negara** | Boleh menggunakan geran berikut untuk bayaran Yuran dan Kos Perjalanan | |
| | i. **Geran Putra (selain IPS dan GPPI)**<br>• V21000 dibenarkan untuk penyertaan persidangan dalam negara (walaupun tanpa pembentangan kertas kerja penuh).<br>• V29000 dibenarkan pembayaran yuran penyertaan. | TDP / TP PTJ |
| | ii. **FRGS / TRGS / LRGS** | TP RMC / Penaja |

| | | |
|---|---|---|
| | • Persidangan dalam negara hanya dibenarkan untuk **pembentangan kertas kerja penuh secara lisan atau poster yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks sahaja.**<br>• Penggunaan peruntukan untuk kos perjalanan (V21000) dan yuran penyertaan (V29000) adalah dibenarkan. UPDATED | |
| | iii. **Geran Putra IPS**<br>- V21000 dibenarkan pembayaran kos perjalanan untuk kegunaan pelajar sahaja UPDATED<br>- V21000 dibenarkan untuk perjalanan pengumpulan data dan kerja lapangan sahaja. UPDATED<br>- V29000 yuran penyertaan seminar untuk pelajar sahaja. Yuran penyertaan penyelia dibenarkan dengan syarat pelajar juga mendaftar sebagai peserta. UPDATED | TDP / TP PTJ |
| | iv. **Geran – geran luar lain (Geran MOSTI, geran swasta antarabangsa)**: Perlu merujuk kepada kelulusan proposal dan dokumen perjanjian atau dengan kelulusan penaja. | TP RMC |

<table>
<tr>
<td>Perjalanan Luar Negara</td>
<td>
i. Geran Putra
<ul>
<li>Sekiranya ada dalam proposal asal yang diluluskan dan memenuhi kelayakan berdasarkan garis panduan SKBL.</li>
<li>Layak sekali sahaja dalam tempoh projek dan tidak melebihi 10% (GPB & IPM) atau 20% (IPB) daripada jumlah keseluruhan geran.</li>
<li>GP Inovasi: perjalanan keluar negara hanya untuk tujuan lawatan teknikal (fabrikasi, analisis, ujian lapangan dan lain-lain yang berkaitan dengan pembangunan produk atau aplikasi sahaja).</li>
</ul>
ii. Geran KPT : FRGS/TRGS/LRGS
<ul>
<li>Persidangan luar negara hanya dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan sahaja yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS dan WoS sahaja.</li>
<li>Bagi pembentangan secara maya, penyelidik perlu mendapatkan pengesahan penganjur persidangan dan mendapat perakuan institusi.</li>
<li>Mematuhi syarat kelayakan berdasarkan Dokumen Tadbir Urus KPT yang terkini yang berkuatkuasa.</li>
</ul>
<table>
<tr><th rowspan="2">Kriteria</th><th colspan="2">Bidang</th></tr>
<tr><th>Sains dan Teknologi</th><th>Sains Sosial</th></tr>
<tr><td>Kelayakan</td><td colspan="2">Ketua dan ahli projek (pelajar tidak dibenarkan)</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Penerbitan</td><td>Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan:<ul><li>2 artikel dalam jurnal terindeks SCOPUS atau WOS / 2 bab dalam buku penyelidikan/1 buku penyelidikan</li></ul></td><td>Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan:<ul><li>2 jurnal berwasit / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan</li></ul></td></tr>
<tr><td>Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan:<ul><li>5 penerbitan terindeks SCOPUS atau WOS dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan</li></ul></td><td>Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan:<ul><li>5 penerbitan berwasit dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan</li></ul></td></tr>
</table>
</td>
<td>JK SKBL</td>
</tr>
</table>

(a) Persidangan yang berkaitan secara terus dengan penyelidikan;
(b) Perjalanan dibenarkan untuk projek penyelidikan yang memasuki tahun kedua dan ke atas sahaja;
(c) Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah;
(d) Hanya dibenarkan sekali perjalanan pembentangan ke luar negara dalam tempoh pelaksanaan bagi setiap projek FRGS dan TRGS yang diluluskan; manakala dua kali perjalanan pembentangan bagi setiap projek LRGS.
(e) Maksimum bilangan penyelidik dalam projek yang sama bagi menghadiri persidangan yang sama adalah dua (2) orang sahaja;
(f) Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa;
(g) Berpotensi untuk dijemput menerbitkan buku oleh penerbit terkenal antarabangsa;

- **Geran FRGS dan TRGS layak sekali sahaja** dalam tempoh projek dan **tidak melebihi 20%** daripada jumlah peruntukan. **LRGS layak 2 kali** sepanjang tempoh projek (**tidak melebihi 10%** daripada jumlah peruntukan).

iii. **Geran PRGS**

- Perjalanan keluar negara hanya untuk tujuan lawatan teknikal (fabrikasi, analisis, ujian lapangan dan lain-lain yang berkaitan dengan pembangunan produk atau aplikasi sahaja).

iv. **Geran – geran luar lain (MOSTI, geran swasta antarabangsa)**

- Dibenarkan sekiranya ada dalam proposal asal yang diluluskan / dokumen perjanjian atau dengan kelulusan penaja

## 4.0 YURAN PENERBITAN & DANA PENERBITAN JURNAL

| Sumber Dana | Syarat / Keperluan | Kelulusan |
|---|---|---|
| **Dana Penerbitan Jurnal 2022** | i. Setiap pegawai akademik/ felo penyelidik / pegawai penyelidik yang layak, hanya dibenarkan untuk mengemukakan sebanyak DUA (2) permohonan DPJ sahaja sepanjang tahun 2022.<br><br>ii. Setiap permohonan DPJ perlu disertakan dengan bukti DUA (2) penerbitan artikel jurnal yang mematuhi KESEMUA syarat berikut;<br>• Pemohon merupakan penulis penghubung (corresponding author) bagi kedua-dua artikel tersebut,<br>• Berstatus “published” atau “accepted” semasa menghantar permohonan DPJ, dan<br>• Tidak menggunakan sebarang peruntukan Dana Universiti Penyelidikan, iaitu Geran Putra (GP, GP-IPM, GP-IPS, GP-IPB, GP-PI, GP-Berimpak dan sebagainya), dan Insentif Pemerkasaan Penerbitan Jurnal<br><br>iii. Kelayakan kadar pembiayaan adalah berdasarkan kualiti tertinggi daripada DUA (2) penerbitan artikel yang dikemukakan dalam perkara (b) semasa permohonan DPJ tersebut diproses. Rujuk nilai pembiayaan yang ditetapkan pada Jadual Had Kelayakan dibawah.<br><br>iv. Kadar pembiayaan yang dipertimbangkan /diluluskan adalah berdasarkan kepada “quartile” dalam senarai JCR (JIF) tahun 2020.<br><br>v. Hanya manuskrip yang diterima oleh pihak penerbit jurnal bertarikh sebelum atau pada 31 Ogos 2022 sahaja yang akan diproses untuk pembiayaan DPJ.<br><br>vi. Permohonan yang dikemukakan akan diproses bergantung kepada peruntukan kewangan semasa yang disediakan pada tahun 2022. | Timbalan Pengarah Bhgn Pengurusan Ilmu RMC |

vii. Jadual Had Kelayakan mengikut ranking jurnal adalah sepertimana berikut;

| Ranking of Journal | Had Kelayakan |
|---|---|
| Top 10% | Terhad kepada **RM10,000 sahaja** |
| Q1 (10-25%) | Terhad kepada **RM8,000 sahaja** |
| Q2 | Terhad kepada **RM6,000 sahaja** |
| Q3 | Terhad kepada **RM4,000 sahaja** |
| Q4 | Terhad kepada **RM2,000 sahaja** |
| Scopus | Terhad kepada **RM1,000**<br>• Hanya tertakluk kepada SPE, FPP, FEM, FBMK, FRSB, FKPS, FSPP dan bagi PTJ lain; Pegawai Akademik / Felo Penyelidik / Pegawai Penyelidik dalam bidang Sains Sosial sahaja.<br>• Pegawai Akademik (pensyarah kanan / pensyarah) yang **dilantik dalam tempoh tiga tahun dari tarikh penghantaran artikel**. |

***Tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa pihak RMC**

<table>
<tr><th>Sumber Dana</th><th>Syarat / Keperluan</th><th>Kelulusan</th></tr>
<tr>
<td>Geran UPM</td>
<td>
i. Semua penerbitan yang tersenarai di dalam Journal Citation Report – ISI Web of Knowledge DAN Scopus
<table>
<tr><th>Ranking of Journal</th><th>Had Kelayakan</th></tr>
<tr><td>Top 10%</td><td>Terhad kepada RM10,000 sahaja</td></tr>
<tr><td>Q1 (10-25%)</td><td>Terhad kepada RM8,000 sahaja</td></tr>
<tr><td>Q2</td><td>Terhad kepada RM6,000 sahaja</td></tr>
<tr><td>Q3</td><td>Terhad kepada RM4,000 sahaja</td></tr>
<tr><td>Q4</td><td>Terhad kepada RM2,000 sahaja</td></tr>
<tr><td>Scopus</td><td>Terhad kepada RM1,000<br>• Hanya tertakluk kepada SPE, FPP, FEM, FBMK, FRSB, UPMKB (FKPS, FSPP) dan bagi PTJ lain; Pegawai Akademik / Felo Penyelidik / Pegawai Penyelidik dalam bidang Sains Sosial sahaja.<br>• Pegawai Akademik (pensyarah kanan / pensyarah) yang dilantik dalam tempoh lima tahun dari tarikh penghantaran artikel.</td></tr>
</table>
i. Merangkumi pembayaran yuran penerbitan dan khidmat suntingan bagi artikel yang berstatus “Accepted” sahaja.<br>
ii. Bayaran khidmat suntingan hanya dibenarkan jika keputusan daripada pengarang jurnal menyatakan "minor/major revisions" dan ada keperluan untuk memperbaiki mutu dari aspek penulisan gaya bahasa seperti "English proofreading is required".<br>
iii. Bayaran khidmat suntingan hanya dibayar sekali sahaja bagi satu artikel.<br>
iv. Geran Putra tidak boleh digunakan untuk mencukupkan kos yuran penerbitan sekiranya melebihi had siling Dana Penerbitan Jurnal.
</td>
<td>Timbalan Pengarah Bhgn Geran RMC</td>
</tr>
</table>

| Sumber Dana | Syarat / Keperluan | Kelulusan |
|---|---|---|
| Geran penyelidikan KPT (FRGS/PRGS/ TRGS/LRGS) | i. Semua penerbitan yang tersenarai di dalam *Journal Citation Report – ISI Web of Knowledge* dan Scopus sahaja<br>ii. Kelulusan RMC dibenarkan bagi yuran penerbitan jurnal terindeks WOS dan Scopus **maksimum RM3,000 sahaja.**<br>iii. Penerbitan MESTI menyatakan penghargaan lengkap dengan **Nama Kementerian, Nama Geran dan Nombor Rujukan KPT** (bukan no pusat kos UPM atau kod projek UPM) sepertimana contoh berikut;<br>*"Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi melalui Geran FRGS No Rujukan FRGS/2/2014/ST01/UPM/01/1"*<br>iv. PRGS tidak boleh bayar untuk penerbitan jurnal. | -Timbalan Pengarah Bhgn Geran RMC |
| Geran penyelidikan sektor Awam lain, Swasta, Antarabangsa | i. Melibatkan akaun amanah penyelidikan 63XXXX sahaja.<br>ii. Semua penerbitan yang tersenarai / tidak tersenarai di dalam *Journal Citation Report – ISI Web of Knowledge* DAN Scopus<br>iii. Merangkumi pembayaran yuran penerbitan dan khidmat suntingan.<br>iv. Tertakluk kepada syarat dan garispanduan penaja geran.<br>***Tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa berdasarkan arahan pihak RMC** | Timbalan Pengarah Bhgn Geran RMC |

## 5.0 YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL

| Jenis | Peruntukan | Syarat / Keperluan | Kuasa melulus |
|---|---|---|---|
| Pembiayaan Yuran Keahlian Badan Profesional | Geran Penyelidikan | i. Geran Putra / Geran KPT (FRGS, LRGS, TRGS, PRGS) - Tidak dibenarkan.<br><br>ii. Geran sektor awam lain, geran swasta dan geran antarabangsa (tabung amanah 63XXXX)- Tertakluk kepada garispanduan / proposal diluluskan / dokumen perjanjian atau kelulusan penaja.<br><br>***Tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa berdasarkan arahan pihak RMC** | Timbalan Pengarah Bhgn Geran RMC |

## 6.0 PERLANTIKAN PERSONEL PENYELIDIKAN

| Jenis | Kadar | Tempoh | Kuasa melantik |
|---|---|---|---|
| **Lantikan Enumerator (Rujuk Garispanduan Pengambilan Enumerator berkuatkuasa 1 Jan 2020)**<br><br>Pemohon yang tidak layak: RA, GRF, IGRF, GRA, SGRA, PKP, PRPB adalah tidak layak sekiranya tugas yang dilakukan adalah daripada projek yang sama. | | | |
| **Enumerator Khidmat Pelajar** | RM7.00 hingga RM10.00 sejam<br>(Cadangan kadar ditentukan oleh Ketua Projek berdasarkan skop tugas dan lain-lain keperluan berkaitan tugas yang dilaksanakan) | Maksimum 3 bulan dalam tempoh satu tahun kalendar | Ketua PTJ |
| **Enumerator Khidmat Harian** | RM54.00 hingga RM90.00 sehari<br>(Cadangan kadar ditentukan oleh Ketua Projek berdasarkan skop tugas dan lain-lain keperluan berkaitan tugas yang dilaksanakan) | Maksimum 3 bulan dalam tempoh satu tahun kalendar | Ketua PTJ |

| Jenis | Kadar | Tempoh | Kuasa melantik |
|---|---|---|---|
| **Enumerator Soal-selidik/Persampelan** | RM5.00 hingga RM35.00 bagi satu borang soal selidik atau persampelan<br>(Cadangan kadar ditentukan oleh Ketua Projek berdasarkan skop tugas, bayaran perjalanan dan makan/minum, dan lain-lain keperluan data soalselidik/persampelan) | Tidak berkaitan | Ketua PTJ |

Penolong Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pentadbiran Penyelidikan) dan Siswazah Penyelidik UPM berdasarkan **Garis Panduan Pelantikan Penolong Penyelidik, Pembantu Penyelidik (Pentadbiran Penyelidikan) dan Siswazah Penyelidik UPM berkuatkuasa 1 September 2015 dan penambahbaikan gred gaji baharu mulai 1 April 2021 seperti di bawah;**

**Gaji / Elaun Sara Hidup**

| LANTIKAN | KELAYAKAN | GAJI / ELAUN | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|---|---|---|---|
| Penolong Penyelidik | Ijazah Sarjana Muda<br>Ijazah Sarjana<br>PhD | Julat Gaji/bulan :<br>RM 1,200.00 – RM 2,520.00<br>RM 1,800.00 – RM 4,140.00<br>RM 2,500.00 – RM 6,500.00 | RM 120<br>RM 180<br>RM 250 |

| LANTIKAN | KELAYAKAN | GAJI / ELAUN | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|---|---|---|---|
| Pembantu Penyelidik (Pentadbiran Penyelidikan ) | SPM / STPM / Diploma | Julat Gaji/bulan:<br>RM 900.00 – RM 1,800.00 | RM 90 |

Minimum tempoh lantikan sekurang-kurangnya 3 bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan pada satu-satu masa

Kuasa melantik: Surat tawaran pelantikan ditandatangani oleh (wakil Pendaftar)

**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**

<table>
<tr><th>Jenis</th><th>Kadar</th><th>Tempoh</th><th>Kuasa melantik</th></tr>
<tr>
<td>Siswazah Penyelidik GRA</td>
<td>Masters: Elaun bulanan dan pengecualian yuran pelajaran (Mod penyelidikan sahaja).<br><br>PhD: Elaun bulanan dan pengecualian yuran pelajaran<br><br>Kadar pengecualian yuran: UPDATED<br><br>
<table>
<tr><th></th><th>Medical</th><th>Science</th><th>Social Science</th></tr>
<tr><td>Master</td><td>RM1,200.00</td><td>RM900.00</td><td>RM700.00</td></tr>
<tr><td>PhD</td><td>RM1,600.00</td><td>RM1,400.00</td><td>RM1,200.00</td></tr>
</table>
<br>Kadar elaun bulanan adalah mengikut jam bantu mengajar<br><br>RM1,125.00 – 3 jam seminggu.<br><br>RM1,300.00 – 4 jam seminggu.<br><br>RM1,500.00 – 6 jam seminggu.</td>
<td>i. Kelayakan tempoh pengajian hendaklah tidak melebihi empat (4) semester bagi pelajar Master dan enam (6) semester bagi pelajar PhD.<br><br>ii. Bagi Geran KPT (FRGS/TRGS/LRGS), lantikan GRA mestilah tidak kurang 12 bulan sepanjang tempoh projek bagi membolehkan GRA dikira sebagai output projek berkenaan.<br><br>iii. Bagi Geran MOSTI, kadar elaun dan bilangan pelajar yang boleh dilantik adalah tertakluk kepada garis panduan, dokumen perjanjian dan kelulusan penaja.</td>
<td>Surat tawaran pelantikan ditandatangani oleh (wakil Pendaftar) Sekolah Pengajian Siswazah bagi lantikan Siswazah<br><br>Penyelidik</td>
</tr>
<tr>
<td>Siswazah Penyelidik SGRA</td>
<td>Masters: RM 1,800 dan tiada pengecualian yuran pelajaran (Mod penyelidikan sahaja).<br><br>PhD: RM 2,300.00 dan tiada pengecualian yuran pelajaran</td>
<td>i. Kelayakan tempoh pengajian hendaklah tidak melebihi enam (6) semester bagi pelajar Master dan sepuluh (10) semester bagi pelajar PhD.<br><br>ii. Tempoh maksimum pelantikan ialah satu (1) semester dan tempoh pelantikan</td>
<td></td>
</tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dibuka sepanjang semester.<br>iii. Bagi Geran MOSTI, kadar elaun dan bilangan pelajar yang boleh dilantik adalah tertakluk kepada garis panduan, dokumen perjanjian dan kelulusan penaja. | |

## 7.0 LAIN-LAIN PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN BERKAITAN PENYELIDIKAN

| Perkara | Syarat / Keperluan | Semakan / Tindakan |
|---|---|---|
| Sekiranya Ketua projek yang tidak mempunyai kelayakan untuk memohon/ melulus/ menandatangani dokumen atas sebab cuti dan lain-lain. | Ketua Projek perlu;<br>i. membuat permohonan penggantian sementara ketua projek untuk menguruskan kewangan projek.<br>ii. perlu mendapatkan kebenaran ketua projek sementara untuk penggunaan geran. | Timbalan Pengarah RMC / Penaja<br><br>TDP / TP PTJ |
| Pengurusan aset yang dibeli menggunakan peruntukan geran penyelidikan apabila tamat tempoh projek | i. Geran awam: Perlu diserahkan kepada PTJ selepas tamat projek. Aset adalah hakmilik PTJ, namun penyelidik perlu berbincang dengan PTJ berkaitan urusan penjagaan aset berkenaan.<br>ii. Geran swasta / antarabangsa: Rujuk dokumen perjanjian sama ada aset tersebut perlu ditentukan serahan kepada Universiti atau Syarikat.<br>iii. Kos penyelengaraan aset tidak boleh dibayar menggunakan geran selepas projek tamat (melainkan dinyatakan dalam garis panduan geran / tiada halangan daripada pihak penaja)<br>iv. Kesemua aset / inventori perlu didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aset (FAMS) dan mempunyai *barcode* bagi aset berkenaan.<br><br>Nota: Rujuk Prosedur Pengurusan Aset (UPM/SOK/KEW-AST/P012) | TDP / TP PTJ / Penyelidik |

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran perkhidmatan data / sewaan server & keselamatan maklumat | Penyelidik perlu hantar spesifikasi untuk semakan IDEC | perlu rujuk / kelulusan JK ICT / IDEC |

## 8.0 PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN GERAN KPT

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Syarat / Keperluan</th><th>Semakan / Tindakan</th></tr>
<tr><td>Pengurusan Peruntukan</td><td>i. Geran penyelidikan mestilah digunakan dalam negara sahaja (kecuali diluluskan oleh KPT).<br>ii. Peruntukan hendaklah kekal di Institusi penerima geran berdasarkan kelulusan Kementerian.<br>iii. Tidak dibenarkan menggunakan peruntukan melebihi kelulusan setiap vot. Perbelanjaan hanya boleh dibuat setelah pindah vot diluluskan oleh RMC/JPT</td><td></td></tr>
<tr><td>Pindah Peruntukan antara Vot (dalam projek)</td><td>
<table>
<tr><th>VOT</th><th>DESKRIPSI</th><th>TERMA RUJUKAN</th></tr>
<tr><td rowspan="2">11000</td><td>Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)</td><td>• Pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan.<br>• Walau bagaimanapun, jika terdapat kekangan kewangan dan keperluan mendesak bagi menampung vot lain, pindah peruntukan hanya dibenarkan jika <u>bilangan GRA yang bergraduat telah dicapai mengikut KPI</u> (rujuk klausa 4.5.2) tertakluk pada pengesahan RMC;<br>• Hanya pada tahun kedua dan ke atas pelaksanaan projek; dan<br>• Kelulusan di peringkat JPT.</td></tr>
<tr><td>Gaji untuk Pegawai/ Pembantu Penyelidik (RO/RA) untuk Geran PRGS</td><td>• Tidak dibenarkan</td></tr>
<tr><td>21000</td><td>Perjalanan dan Pengangkutan</td><td>• Dibenarkan pindah peruntukan bagi perjalanan dalam negara bagi tujuan menghadiri persidangan/kerja lapangan/kutipan data dan lain-lain aktiviti berkaitan.</td></tr>
<tr><td>24000</td><td>Sewaan</td><td>• Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.</td></tr>
<tr><td>27000</td><td>Bekalan dan Bahan Penyelidikan</td><td>• Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.</td></tr>
<tr><td>28000</td><td>Baik pulih kecil dan ubahsuai</td><td>• Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.</td></tr>
<tr><td>29000</td><td>Perkhidmatan Ikhtisas</td><td>• Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.</td></tr>
</table>
<table>
<tr><th>VOT</th><th>DESKRIPSI</th><th>TERMA RUJUKAN</th></tr>
<tr><td>35000</td><td>Aksesori dan Peralatan</td><td>• Dibenarkan pindah peruntukan selagi ia berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan (tidak melebihi 40% dari jumlah keseluruhan).</td></tr>
</table>
</td><td></td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | i. Pindah peruntukan hanya dibenarkan sekali setahun.<br>ii. Pindah peruntukan melebihi 50% daripada jumlah kelulusan asal setiap vot adalah tidak dibenarkan di peringkat RMC/KPT bagi projek-projek penyelidikan aktif.<br>iii. Pindah peruntukan ke vot baharu hanya dibenarkan selepas enam (6) bulan dari tarikh pelaksanaan projek. | |
| Penggunaan Peruntukan Setelah Tamat Projek | i. Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek penyelidikan.<br>ii. Semua perbelanjaan dalam tempoh penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada RMC/Bendahari sebelum tarikh tamat projek penyelidikan. Sekiranya gagal berbuat demikian, maka tuntutan perbelanjaan tersebut tidak boleh dibayar.<br>iii. Pihak RMC/Bendahari tidak dibenarkan membuat sebarang pembayaran selepas tarikh tutup akaun projek penyelidikan. | |

Rujukan :

| Jenis | Keterangan |
|---|---|
| Geran Penyelidikan | Bermula dengan pangkal 5XXXX dan 9XXXXX |
| Akaun Amanah Penyelidikan | Bermula dengan pangkal 63XXXX |
| Geran Putra | Bermula dengan pangkal 93/94/95 |
| Geran KPT (FRGS/PRGS/TRGS/LRGS) | Bermula dengan pangkal 55XXXX<br>LRGS penaja luar : 63XXXX |
| Geran e-Dana MOSTI (ScienceFund, TechnoFund, SmartFund, ICF, Dana R&D MOSTI) | Bermula dengan pangkal 545XXXX |
| Geran NRGS | Bermula dengan pangkal 5538XX |